

**PENGARUH BAHASA ARAB KE DALAM BEBERAPA DIALEK SABAH DAN  
LOGHAT MELAYU SEMENANJUNG**

<sup>1</sup>Nor Ain Manap  
*ain@ums.edu.my*  
*Universiti Malaysia Sabah*

<sup>2</sup>Rosmah Derak  
*rosmah@ums.edu.my*  
*Universiti Malaysia Sabah*

<sup>3</sup>Noorafini Kassim  
*noorafini@ums.edu.my*  
*Universiti Malaysia Sabah*

<sup>4</sup>Siti Nurul Aisyah Abd Hamid  
*snaishah@ums.edu.my*  
*Universiti Malaysia Sabah*

<sup>5</sup>Nurul Nazirah Hamzah  
*nazira86@ums.edu.my*  
*Universiti Malaysia Sabah (UMS)*

<sup>6</sup>Noorhazleena Mohd Nor Hazlee  
*noorhazleena@kuis.edu.my*  
*Universiti Islam Selangor (UIS)*

**ABSTRAK**

Bahasa Arab menjadi antara enam bahasa rasmi yang digunakan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan telah digunakan oleh 450 juta penutur di seluruh dunia termasuk Malaysia. Bahasa Arab telah mempengaruhi pelbagai bahasa dan dialek tidak terkecuali bahasa peribumi di Sabah serta loghat Melayu di Semenanjung Malaysia. Kajian ini berkaitan dengan pengaruh bahasa Arab ke dalam beberapa dialek Sabah dan loghat Melayu Semenanjung Malaysia. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh bahasa Arab dalam beberapa bahasa peribumi di Sabah dan beberapa loghat Melayu di Semenanjung Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah pengumpulan data dibuat melalui temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati terdapat banyak perkataan daripada bahasa peribumi Sabah dan loghat Melayu Semenanjung yang dipengaruhi oleh bahasa Arab. Kajian ini akan memberi


manfaat kepada seluruh masyarakat Malaysia terutamanya Sabah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan bahasa peribumi yang berbeza berbanding di Semenanjung.

**Katakunci:** *Pengaruh Bahasa Arab, dialek Sabah, loghat.*

## PENGENALAN

Bahasa Arab telah mempengaruhi pelbagai bahasa dan dialek tidak terkecuali bahasa peribumi di Sabah serta loghat Melayu di Semenanjung Malaysia. Bahasa Arab juga telah menjadi antara enam bahasa rasmi yang digunakan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan telah digunakan oleh 450 juta penutur di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Bahasa Arab bukan lagi bahasa yang asing di bumi Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Bahasa Arab yang pada mulanya dibawa datang ke Tanah Melayu akhirnya kini menjadi bahasa rasmi agama Islam di Malaysia.



Sumber : <https://pemandanganhd.blogspot.com/2019/07/penting-32-peta-malaysia.html>

Malaysia terletak di Asia Tenggara terbina daripada dua benua besar yang terpisah oleh Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia (bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura di selatan). Manakala Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak (bersempadan dengan Indonesia dan Brunei Darussalam di selatan). Keluasan Malaysia adalah meliputi 330, 534 km. Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan 3 buah wilayah persekutuan yang begitu makmur, berbilang kaum, agama dan bahasa. Salah sebuah negeri di dalam Malaysia pula iaitu Sabah, yang terletak di utara Kepulauan Borneo dan merupakan pulau ke 3 terbesar di dunia.



Sumber: <https://peta-hd.com/peta-sabah/>

Masyarakat Sabah terdiri daripada 33 kumpulan besar yang berbeza agama, bahasa dan budaya. Masyarakat peribumi Sabah bertutur dalam lebih daripada 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Kumpulan etnik terbesar di Sabah adalah daripada rumpun suku kaum Kadazandusun (Aminah binti Awang Basar, 2020). Terdapat juga beberapa suku kaum yang terdiri daripada rumpun yang sama namun, mempunyai dialek yang berbeza dan sukar difahami antara satu sama lain. Suku kaum lain yang terdapat di Sabah adalah bumiputera Bisaya, Tatana, Melayu Brunei, Bajau, Bugis, Kedayan, Lotud, Ludayeh, Rungus, Suluk, Minokok, Bonggi, Ida'an, Sungai, dan banyak lagi.

Bahasa Arab pula telah sampai ke Nusantara melalui pendakwah Islam yang datang dari India, China, Parsi dan Arab. Kemudian sampai ke Kepulauan Borneo ketika pemerintahan kesultanan Brunei dan Sulu (Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, 2021). Bahasa Arab bukan sahaja diserap ke dalam bahasa Melayu baku, bahkan ke dalam bahasa peribumi Sabah terutamanya yang beragama Islam serta loghat Melayu di Semenanjung Malaysia.

Ianya telah mempengaruhi dialek dan loghat ini dalam pelbagai aspek kehidupan contohnya melalui tema-tema umum, nama-nama orang terutamanya masyarakat beragama Islam dan paling penting adalah perkara yang berkaitan dengan agama dan ibadah. Kini, bahasa Arab bukan hanya mempengaruhi nama-nama masyarakat yang beragama Islam khususnya di Sabah, tetapi turut mempengaruhi nama-nama masyarakat yang tidak beragama Islam namun tinggal bersama-sama dalam kelompok dan kejiranan masyarakat beragama Islam.

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di Universiti Malaysia Sabah juga, turut menawarkan kursus Bahasa Arab kepada semua pelajar UMS yang berminat untuk mempelajarinya walaupun mereka terdiri daripada suku kaum dan agama yang berbeza. Ini kerana bahasa Arab bukan lagi menjadi hak milik mutlak masyarakat Arab dan agama Islam sahaja bahkan ianya kini telah menjadi bahasa perantara dunia.

Artikel ini sangat mengujakan kerana bahasa Arab bukan hanya mempengaruhi bahasa peribumi bagi masyarakat yang beragama Islam di Sabah, bahkan sebahagian kecil daripada dialek masyarakat yang berpegang kepada agama yang lain.

Wilfred Madius Tangau (1989) dalam Dayu Sansalu (2013) menyatakan terdapat terdapat lebih kurang 10 bahasa dan 27 dialek dalam rumpun bangsa Kadazandusun bahkan sebenarnya lebih dari itu. Sintian dan Minah (2017) menyatakan Dusun merupakan bahasa dalam rumpun Kadazandusun yang terbahagi kepada tiga keluarga lain lagi iaitu Dusun, Murut dan Paitan.

Ketiga-tiga rumpun ini terdiri daripada 31 suku yang mempunyai dialek berbeza dan tersebar luas ke seluruh negeri Sabah.

Colin (1981) dalam Saidatul Nornis Hj Mahali (2020) menyatakan dialek Melayu Brunei telah menyumbangkan banyak perkataan kepada kosa kata bahasa-bahasa lain di pulau Borneo. Kajian Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, dan Normaliza Abd Rahim (2013) pula menyatakan loghat tempatan Terengganu sangat kaya dari aspek bunyi vokal, konsonan, diftong, suku kata dan kosa kata.

Ibtisam Abdullah, Imran Ho (2018) turut menyatakan bahawa bahasa Melayu banyak meminjam kata Arab yang terdiri daripada kelas kata Kata Nama dan ianya menepati sistem tatabahasa bahasa Melayu. Beberapa etnik di Nusantara juga menerima leksis bahasa Arab secara tidak langsung melalui bahasa Melayu ketika kemasyhuran Melayu (Mohd Nor Azan Abdullah, Saini Ag. Damit, 2018). Normila Noruddin, Nik Murshidah, Raja Hazirah dan lain-lain (2014) pula menjelaskan penggunaan bahasa ibunda banyak mempengaruhi pelajar dalam membina struktur ayat bahasa Arab.

Artikel ini bertujuan untuk mendokumentasikan perkataan Arab yang diserap masuk ke dalam dialek dan loghat di Malaysia.

## **SEJARAH BEBERAPA SUKU KAUM DI SABAH DAN NEGERI DI MALAYSIA**

### **i. Suku Kaum Bajau**

Suku Kaum Bajau adalah salah satu di antara 33 kumpulan besar suku kaum di Sabah dengan jumlah sebanyak 436 672 orang (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Siti Amanina Sahira Saidi, 2021). Masyarakat ini merupakan kaum asal kedua terbesar di Sabah dan majoritinya beragama Islam. Mereka boleh dikategorikan kepada dua kelompok, iaitu etnik Bajau dari pantai timur dan etnik Bajau dari pantai barat Sabah (Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat dan Aisyah Tamby Omar, 2020). Mereka tersebar ke hampir kesemua daerah, termasuk di Kudat, Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu, Papar, Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu. Kedua-dua Bajau Darat dan Bajau Laut mempunyai dialek yang berbeza walaupun di bawah rumpun yang sama kerana perbezaan kedudukan geografi (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2010).

Menurut Miller (2007) dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali (2010) dialek Bajau Pantai Barat lebih dekat dengan bahasa melayu khususnya dari aspek sintaksis berbanding dengan Bajau Pantai Timur yang lebih dekat dengan bahasa Sama-Bajau yang dituturkan di Selatan Filipina. Perbezaan jelas antara bahasa Bajau Barat dan Timur Sabah adalah serapan perkataan daripada dialek Melayu Brunei dan menjadi sebahagian daripada leksikal dalam bahasa Bajau Barat Sabah (Saidatul Nornis Hj Mahali, 2020). Dokumentasi ini mengenal pasti perkataan Bajau dari Pantai Barat dan Timur.

## ii. Suku Kaum Kadazandusun

Suku Kaum Kadazandusun merupakan suku kaum terbesar yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk di Sabah atau kira-kira 1/3 daripada penduduk suku kaum Kadazan dan Dusun. Perkataan Kadazan-Dusun bermaksud penyatuan dua puak asli di negeri Sabah. (<https://www.sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah>). Suku Kaum Kadazandusun ini menggunakan bahasa dan pelbagai dialek yang berbeza. Terdapat 27 suku kaum di dalamnya dan antaranya ialah Dusun Liwan, Dusun Tindal, Dusun Pahu, Dusun Lotud, Bagahak, Dusun Labuk, Dusun Kimaragang, Tagahas, [Tangara]Rungus, Orang Sungai, Kuijau, Tambanuo, dan sebagainya lagi (Eva De Belle, t.th).

Suraya Sintang (2003) menyatakan perkataan 'Kadazan' dikaitkan dengan perniagaan, iaitu 'tamu' yang bermula sekitar tahun 1800. Masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan tersebut menyebut perkataan 'Kadazan' yang bermaksud 'kedai'. Masyarakat Kadazan bermaksud mereka yang tinggal berdekatan dengan kedai atau pekan contohnya daerah Penampang dan Papar. Manakala masyarakat Dusun pula bermaksud mereka yang tinggal di pedalaman contohnya di daerah Ranau dan Tambunan. Unikny suku kaum ini menganut pelbagai agama seperti Kristian, Islam, Hindu, Budha dan lain-lain lagi.

Kawasan penempatan suku kaum Kadazandusun yang utama terbahagi kepada dua bahagian, iaitu di pantai timur dan pantai barat Sabah (Ehala, 2010). Suku kaum Dusun yang tinggal di pantai barat seperti Penampang, Papar, Tuaran, Kiulu, Tamparuli, Tenghilan, Kota Belud, Ranau, Tambunan, dan Keningau dahulunya kebanyakannya terdiri daripada petani tradisi yang menanam padi menangkap ikan sungai (Eva De Belle, t.th). Dokumentasi ini hanya mengenalpasti dialek Kadazandusun dari Tenghilan, Tuaran sahaja.

## iii. Suku Kaum Brunei

Suku Kaum Brunei di Sabah merupakan suku kaum terawal berada di Borneo Utara semasa pemerintahan Kesultanan Brunei Sultan Bolkiah sekitar tahun 1485-1524. Suku kaum Melayu Brunei di Sabah kebanyakannya tinggal di Sipitang, Weston, Wilayah Persekutuan Labuan, Teluk Kimanis sehingga Kota Klias, Kuala Penyu, Membakut, Bongawan, Benoni, Papar, Pengalat, Kawang dan Meruntum sehinggalah Putatan dan Tuaran (Bala, 2015).

Suku kaum Melayu Brunei yang berasal dari negara Brunei Darussalam berpindah ke negeri Sabah disebabkan oleh beberapa faktor sama ada luaran dan dalaman. Akibatnya, suku kaum tersebut telah melalui proses asimilasi dari sudut salasilah dan budaya, di antara kaum Melayu dan kumpulan suku kaum asal yang lain sebelum abad ke-19. Akhirnya, proses ini membentuk identiti tersendiri bagi suku kaum Melayu Brunei yang dapat dilihat sehingga ke hari ini. (Nurfarain Abdul Rahman, Mohd Sohaimi Esa' Saifulazry Mokhtar, et all, 2022). Dokumentasi bahasa peribumi Brunei kali ini hanya mengenal pasti dialek daripada Kota Klias, Beaufort sahaja.

#### iv. Kaum Melayu di Pulau Pinang

Pulau Pinang pada asalnya adalah di bawah pemerintahan Kesultanan Kedah, namun telah dia diserahkan kepada Inggeris semasa kedatangan inggeris pada tahun 1786. Menurut Noriah Mohamed (2006), dipercayai bahawa Pulau Pinang telah diterokai dan dibuka oleh orang Melayu jauh lebih awal daripada Francis Light. Pulau tersebut terletak di laluan yang sangat strategik di mana ramai saudagar Nusantara Melayu dan sekitarnya telah berlabuh. Justeru, ia adalah mustahil dikatakan yang pulau tersebut tidak berpenghuni sebelum kedatangan Inggeris.

Kewujudan masyarakat Melayu di pulau tersebut juga bukanlah bersifat sementara atau hanya singgahan sahaja. Malah, mereka merupakan masyarakat bermastautin yang mempunyai sistem pentadbiran tersendiri di bawah pemerintahan Kesultanan Kedah.

Ong Su Teak (2016) seorang penganalisis fonologi telah memfokus subdialek Pulau Pinang yang diambil di Balik Pulau sahaja. Ini kerana Balik Pulau merupakan satu-satunya kawasan di Pulau Pinang yang masih mengekalkan ciri-ciri tradisional orang Melayu. Menurutnya, penduduk yang mendiami di Pulau Pinang dianggap menggunakan salah satu subdialek Kedah iaitu subdialek Pulau Pinang untuk berkomunikasi.

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang mengalami arus urbanisasi yang pesat, namun penduduk Melayunya masih kuat memelihara dialek mereka. Dalam sejarahnya, Pulau Pinang telah menerima pedagang-pedagang luar yang mewarnai kepelbagaian pinjaman bahasa-bahasa lain ke dalam dialek Melayu Pulau Pinang seperti bahasa Cina, India, Sanskrit, Parsi, Portugis dan lain-lain.

Pengaruh bahasa Arab juga tidak terlepas daripada menjadi sebahagian daripada dialek negeri ini. Antara contoh-contoh perkataan yang banyak digunakan dalam komunikasi harian mereka adalah dalam soal keagamaan, pakaian dan isu-isu seharian.

#### v. Sejarah Kedah

Nama Kedah berasal daripada perkataan Arab berdasarkan beberapa pendapat. Seorang pelayar Arab bernama Ibnu Khordazbeh pernah membuat lawatan ke utara Tanah Melayu pada tahun 846 Masehi. Beliau mencatatkan dalam kitabnya yang berjudul *Al-masalik Wal Mamalik* tentang sebuah negeri yang digelar 'Kilah'. Begitu juga dengan Ibnu Muhalhil pada tahun 941 Masehi, yang menyebut tentang sebuah negeri di utara Tanah Melayu yang disebutnya sebagai 'Kalah'. Para sarjana menyatakan bahawa Kalah ini terletak di Takuapa. Namun bagi H.G.Q. Wales pula, beliau berpandangan bahawa Kalah yang disebut oleh orang Arab ada dua iaitu sebelum abad ke-11 Masehi pelabuhan dipanggil Kalah ialah 'Takuapa' yang terletak di wilayah Tambralingga di utara Kataha (Kedah) dan pada abad ke-11 Masehi, pelabuhan Kalah yang disebut oleh orang Arab adalah Kedah (H.G.Q. Wales 1976).

Antara hasil perdagangan terkenal yang dihasilkan di pusat perdagangan di Kalah ialah bijih timah. Akhbar as-Sin wa'l-Hind menyatakan *bar* dalam bahasa Arab bermaksud 'kerajaan'

atau ‘pesisir pantai’. Manakala maksud Kalah-bar merupakan sebuah kerajaan yang lokasinya berdekatan dengan pesisir pantai (Paul Wheatley, 1961).

(Paul Wheatley, 1961) menyatakan Kalah-bar merupakan sebuah kerajaan yang berada di bawah penguasaan *al-Zabaj* (Srivijaya). Sementara Sulayman pula menggambarkan kerajaan Kalah merupakan jajahan Srivijaya dan juga pusat perdagangan entreport di mana pelayar dan pedagang singgah untuk mendapatkan bekalan air bersih (R.Braddell, 1950).

Begitu juga dengan catatan Abu Dulaf Misa’r yang menyatakan bahawa Kalah atau Kalah-bar ialah sebuah kerajaan besar dikelilingi tembok, taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan rumah dengan jumlah penduduk yang ramai (R.Braddell, 1950).

Berdasarkan catatan pedagang Arab juga, masyarakat Kalah memakai pakaian longgar yang dikenali sebagai *futah*. *Futah* bermaksud kain di bahagian pinggang yang dilonggarkan manakala Wheatley pula menganggap *futah* sebagai kain sarung (Paul Wheatley, 1961).

Abu Dalaf menambah lagi, masyarakat Kalah dikatakan tinggal di dalam kota dan menjalankan pekerjaan sebagai tukang membuat pedang. Makanan utama ketika itu adalah gandum, sayur-sayuran yang dijual dalam kiraan berat dan roti yang dijual di dalam kiraan jumlah. Mereka memakai *firand* (sutera yang diimport dari China) yang sangat halus. Kalah telah mempunyai sistem sosial yang teratur dari segi keadilan, layanan terhadap pesalah dan juga hal-hal yang berkaitan dengan denda (Paul Wheatley, 1961).

Penulis Arab dan Parsi pernah menggambarkan kerajaan Srivijaya sebagai kerajaan kembar. Maksud kerajaan kembar itu adalah merujuk sebagai Kedah dan Sribuza. Persoalannya ialah adakah Kalah itu Kataha, iaitu satu dalam sebutan Arab atau Parsi dan satu lagi dalam Sanskrit.

Sarjana berbeza pendapat mengenai isu ini, namun kebanyakan daripada mereka bersetuju dengan pendapat bahawa lokasinya ialah di Semenanjung Tanah Melayu. Antara lokasi yang dicadangkan ialah Kedah, Segenting Kra, jajahan Mergui dan Takuapa. Daripada sumber Arab ataupun Parsi, Kalah mungkin sebuah bandar atau sebuah pulau atau sebuah kerajaan atau pun sebuah kawasan. Walau bagaimanapun Nilakanta Sastri meletakkan lokasinya adalah di Kedah (Adnan Jusoh, 2016).

Kehadiran pedagang Arab-Parsi bertujuan untuk memperolehi komoditi yang bernilai tinggi yang terdapat di Asia Tenggara. Antara pelabuhan yang kerap dilawati oleh pedagang Arab-Parsi ketika Zaman Abbasid ialah di Kataha (Kedah), Lamuri (Acheh), Palembang dan Takuapa. Peranan Kataha (Kedah) sebagai pelabuhan utama bagi pedagang Arab-Parsi ini dibuktikan dengan penemuan dua keping siling Zaman Abbasid (758-1258M) di Kuala Sungai Merbok dan salah satunya bertarikh 234 (848 Masihi). Barangan yang diimport dari kawasan Asia Tenggara antaranya adalah rempah ratus, kapur barus, kayu gaharu, kayu cendana, hasil hutan, kulit kayu manis dan damar. Manakala barang yang dieksport pula adalah seramik, barangan daripada kaca, alatan besi, senjata, perak, manik, paku, kipas, barangan perhiasan, sutera dan minyak wangi (Wheatley, 1964).

## **vi. Sejarah Terengganu**

Islam dan bahasa Arab terlebih dahulu datang ke Terengganu, di antara tahun Masihi 1326 –1386 berpandukan sebuah batu bersurat yang didapati di Kuala Berang sebagai bukti keterangan. Batu ini telah diukir dengan huruf Arab dan bertarih juga diukir dalam simbol Arab. Ukiran pada batu tersebut adalah hukum-hukum Islam seperti hukum zina dan lain-lain lagi. Teori mengatakan seorang pendakwah agama Islam dari Indo-China telah datang ke Terengganu dan menyebarkan agama Islam di sana serta mengukirkan hukum-hukum Islam pada batu bersurat.

Tuan Hamka dan Prof. Abdul Kahar Muzakar merupakan dua orang ulama yang terkenal di Indonesia dan Tanah Melayu. Mereka kuat mengatakan agama Islam lebih dahulu sampai ke Terengganu daripada lain-lain negeri di Tanah Melayu, sehingga mereka menggelarkan negeri Terengganu itu sebagai “Serambi Makkah”.

Terengganu juga mempunyai sejarah penyebaran agama Islam dari Tanah Arab kerana menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, terutamanya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu. Ia bermula sejak tahun 717M apabila khalifah Sulayman Bin Abd Malik menghantar angkatan tentera ke China yang menyebabkan proses penyebaran Islam telah berkembang. Di antara bukti kedatangan Islam adalah wujudnya beberapa artifak yang khusus seperti kitab agama, masjid tertua, institusi pendidikan agama Islam seperti pondok, kubur ulamak dan pengaruh pemikiran Islam dalam masyarakat di kawasan pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan.

## **vi. Kaum Melayu di Perlis**

Perlis ialah sebuah negeri yang terletak bersempadan dengan sebuah negara asing di utaranya iaitu Thailand dan bersebelahan negeri Kedah. Menelusuri sejarahnya secara ringkas, negeri Perlis dahulunya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah. Kedah ketika tahun 1771 hingga 1821 pula telah berperang dengan Siam. Setelah berlaku pergolakan dalaman dan luaran, Perlis akhirnya berpisah dengan Kedah dan memilih untuk berpihak kepada kerajaan Maharaja Siam. Akhirnya, Perlis mendapat pemerintah baru yang telah dilantik oleh Maharaja Siam selepas tahun 1839 (Mohammad Isa Othman 1990).

Menjelang abad ke-18, Kuala Sungai Perlis ataupun Kuala Perlis telah muncul sebagai pusat perdagangan yang penting di Kedah. Pada tahun 1839 atau mendekati tempoh akhir Peperangan Kedah-Siam, Perlis telah diperintah oleh seorang bangsawan Siam yang dikenali oleh orang Melayu sebagai Raja Long Krok. Untuk membantu Raja Long Krok, pentadbiran Bangkok telah menugaskan Penghulu Arau iaitu Syed Hussein Jamalullail sebagai timbalan. Apabila Raja Long Krok meninggal dunia, Syed Hussein Jamalullail dan anak-cucu baginda telah dikurniakan mandat untuk memerintah Perlis sehingga ke hari ini (Ahmad & Yazid, 1992).

Melihat kepada kedudukan geografinya yang unik ini turut memberikan impak kepada dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur natif di Perlis. Berdasarkan pemerhatian awal,



subdialek Perlis masih digunakan dalam sebahagian kecil penduduk di Perlis (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad 2017).

Dialek Melayu Kedah pula masih kuat berpengaruh di samping wujudnya unsur-unsur asimilasi daripada masyarakat Siam yang menetap di Perlis. Perkataan pinjaman dalam bahasa Arab ini dilihat dalam bahasa Melayu mempunyai kaitan rapat dengan agama Islam yang menjadi pegangan majoriti masyarakat Melayu. Bangsa Melayu dilihat amat sinonim dengan Islam termasuk dalam aspek bahasa. Manakala Islam amat sinonim dengan bahasa Arab yang merupakan bahasa pilihan bagi menyampaikan isi kandungan al-Quran.

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 dan ke-14 telah membawa pengaruh yang cukup besar dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu. Pengaruh Islam bukan sahaja telah mengubah kepercayaan dan agama asal masyarakat, tetapi turut memberikan kesan terhadap bahasa, budaya dan sastera.

Walaupun bagaimanapun, pengaruh Islam terhadap bahasa mendominasi aspek lain, khususnya yang berkaitan dengan kosa kata. Malahan perkataan yang dipinjam ini juga telah berfungsi melambangkan warisan budaya masyarakat Melayu kerana di dalamnya terdapat hal yang berkaitan dengan agama, adat, perayaan, undang-undang, dan sebagainya. Antara contoh kata pinjaman dalam bahasa Arab yang digunakan oleh penutur asli Perlis dalam aspek keagamaan dan ibadah ialah *sahur*, *kafir* dan *taqdir*.

## KAEDAH MEMBACA PERKATAAN ARAB

Perkataan Arab yang terdapat di dalam artikel ini boleh dibaca menggunakan kaedah transliterasi mengikut sistem Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti jadual di bawah.

**Jadual 1** Simbol transliterasi

Simbol	Sebutan	Makna
ā	aaa	Bacaan Panjang 2 saat
ū	uuu	Bacaan Panjang 2 saat
ī	iii	Bacaan Panjang 2 saat
ş		
ţ		
‘ (koma ke kanan)	‘a ( <i>‘alim</i> ) bacaan dari dalam tenggorok	Membezakan bunyi yang bermula dengan huruf alif atau ain.
’ (koma ke kiri)	’I ( <i>’Ibn</i> )	Membezakan ejaan perkataan Arab yang bermula dengan huruf ain atau perkataan bahasa

		Melayu yang bermula dengan huruf i.
--	--	-------------------------------------

Sumber: Saini Ag Damit.(2012). *Asas Bahasa Arab 1*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Kesemua perkataan Arab yang terdapat di dalam artikel ini dirujuk daripada Kamus *al-Ma'āniyy online* dan Kamus *al-Mawrid*, *Mu'jam Al-'Arabiyy Al-Asāsiyy*, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, *Oxford Students* serta *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Perkataan daripada setiap dialek dan loghat tempatan diklasifikasikan mengikut beberapa tema. Tema pertama adalah “Ibadah dan keagamaan”, Tema kedua adalah “*nama-nama orang*” dan tema ketiga adalah *tema umum*”.

Marilah kita telusuri perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa peribumi beberapa suku kaum di Sabah iaitu suku kaum Bajau, Kadazandusun dan Brunei. Manakala perkataan bahasa Arab yang digunakan dalam loghat tempatan Semenanjung adalah dari negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Terengganu.

## 1. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Bajau, Sabah.

### i. Ibadah dan Keagamaan

**Jadual 1.1** Perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema ibadah dan keagamaan.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Du'a</i>	Duah	Doa
<i>ruknu</i>	Rukun sembiang	Rukun sembahyang
<i>Sadaqah</i>	Sedaka/keparat	Sedekah
<i>Balā'</i>	Bala/sial	Bala'
<i>Ramadan</i>	Ramlan	Ramadan
<i>Syawāl</i>	Sawal	Syawal
<i>Rajab</i>	Rajab	Rejab
<i>Sya'bān</i>	Saban	Sya'ban
<i>Istigfar</i>	Setagafar	Istigfar/memohon ampun
<i>Akhirah</i>	Mairat	Akhirat
<i>Alḥamdulillah</i>	Alhamdulillah	alhamdulillah
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram

<i>Ḥalāl</i>	Alal	Halal
<i>Barakah</i>	Berkat/barakah	Berkat
<i>Maghrib</i>	Magarib	Magrib

## ii. Nama Orang

**Jadual 1.3** Antara perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema nama orang.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Lin</i>	Halina	Lembut
<i>Afini</i>	Afini	Ampunkan aku
<i>Taufiq</i>	Taufeck	Kejayaan
<i>Anwar</i>	Anwari	Cahaya-cahaya

## iii. Umum

**Jadual 1.2** Antara perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema umum.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Sabbaba</i>	Sabab	Sebab (Bajau Pantai Timur)
<i>Min</i>	Min	Dari (Bajau Pantai Timur)
<i>Dunya</i>	Junya	Dunia

## 2. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Kadazandusun Tuaran, Sabah.

### i. Ibadah dan Keagamaan

**Jadual 2.1** Antara perkataan dalam dialek suku kaum Kadazandusun bagi tema ibadah dan keagamaan.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Kadazandusun	Makna
<i>Masjid</i>	<i>Mosogid</i>	masjid
' <i>Adah</i>	<i>Tadat</i>	Adat
<i>Wudhu'</i>	<i>Wudhu'</i>	Wudhu'
<i>Malaikah</i>	<i>Moloikat</i>	Malaikat

### ii. Nama Orang.

**Jadual 2.3** Antara perkataan dalam dialek suku kaum Kadazandusun bagi tema nama orang.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Kadazandusun	Makna
<i>Aminah</i>	Minah	Yang jujur
<i>Nur</i>	Bermula dengan 'Nor'	Cahaya
' <i>Ariffin</i>	Ariffin	Yang mengetahui
<i>Watiy</i>	Berakhir dengan 'Wati'	Yang disukai

## 3. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Brunei di Kota Klias, Beaufort, Sabah.

### i. Ibadah dan Keagamaan.

**Jadual 3.1** Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Dialek brunei	Makna
<i>Akhirah</i>	Akirat	Akhirat
<i>Dunya</i>	Dunia	<i>Dunia</i>
<i>Masjid</i>	Masjid	masjid
<i>Sajadah</i>	Sajada	Tempat Sujud
<i>Kūfiyyah</i>	Kupia'	Kopiah/Ketayap

<i>Sadaqah</i>	Sadaka	Sedekah
<i>Du'a</i>	Du-a	Doa
<i>Istigfar</i>	astagapar	Memohon ampun
<i>Solawat</i>	Salawat	Selawat
<i>Alḥamdulillah</i>	Ala'amdulila	Alhamdulillah
<i>Ḥalāl</i>	Alal	Halal
<i>Muqaddam</i>	Alip-Alip	Muqaddam
<i>Allah</i>	Olo	Allah
<i>'Āmil</i>	Amil	Amil (Pengutip Zakat)
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram
<i>Balā'</i>	Bala'	Bala
<i>Barakah</i>	Barakat	Berkat
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram
<i>'Imām</i>	Imam	Imam
<i>'Islām</i>	Islam	Islam
<i>Zakātul Fitrah</i>	Jakat Pitra	Zakat Fitrah
<i>Jamā'ah</i>	Bejamaa	Jemaah
<i>Kafir</i>	Kapir	Kafir
<i>Qiblat</i>	Kiblat	Qiblat
<i>Maghrib</i>	Magarib	Maghrib
<i>Malā'ikah</i>	Malaikat	Malaikat
<i>Murtad</i>	Murtad	Murtad
<i>Muḥammad</i>	Muammad	Muhammad
<i>Al-Qur 'ān</i>	Kur an	Al-Qur an
<i>Kitāb</i>	Kitab	Al-Qur an
<i>Sūrah</i>	Suro	Surah
<i>Ṣubḥ</i>	Subu	Subuh
<i>Syukr</i>	Sukur	Syukur
<i>Sunnah</i>	Sunat	Sunat
<i>Taḥlīl</i>	Talil	Tahlil
<i>Taubah</i>	Taubat	Taubat
<i>Warith</i>	Waris	Waris
<i>Yā Rabbiyy</i>	Ya Robbi	Ya Tuhanku
<i>Yā Allah</i>	Ya Olo	Ya Allah
<i>Wakt Zuhr</i>	Waktu Ju'ur	Waktu Zuhur
<i>Wakt 'Aṣr</i>	Waktu Asar	Waktu Asar
<i>Tabligh</i>	Tablig	Jemaah tabligh/menyampaikan/mengajar sembahyang

<i>Ustāzah</i>	Ustaja	Ustazah/ guru perempuan
<i>Ustāz</i>	Ustad	Ustaz/ guru lelaki
<i>Hājah</i>	Ajah	Hajah
<i>Khuṭbah</i>	Kutba	Khutbah
<i>Qadiyy</i>	Kadi	Kadi
<i>Qiās</i>	Kias	Kias/Timbangan
<i>Ta'ajjub</i>	Takjub	Takjub
<i>Dalīl</i>	Dalil	Bukti
<i>Raka'ah</i>	Rakaat	Rakaat
<i>Farḍ</i>	Pardu	Fardu
<i>Niyyah</i>	Niat	Niat
<i>Muḥarram</i>	Muarram	Muharram
<i>Ṣafar</i>	Sapar	Safar
<i>Rajab</i>	Rajab	Rejab
<i>Sya'ban</i>	Sa'ban	Sya'ban
<i>Syawāl</i>	Sawal	Syawal
<i>Wāliyy</i>	Wali	Wali

## ii. Umum.

**Jadual 3.2** Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema kategori Umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Dialek brunei	Makna
<i>'Amānah</i>	Amana	Amanah
<i>'Ilm</i>	Ilimu	Ilmu
<i>Wakt</i>	Waktu	Waktu
<i>'Ālam</i>	Alam	Alam
<i>Fikrun</i>	Pikir	Fikir
<i>Būlis/ Shurtatiyy</i>	Pulis	Polis
<i>'Isyārah</i>	Isarat	Petunjuk
<i>Tilifzyūn</i>	Tibi	Televisyen
<i>Tilifūn</i>	Talipaun	Telefon
<i>Rādiyyū</i>	Radiu	Radio
<i>Ghās</i>	Gis	Gas
<i>Balastīk</i>	Plastik	<i>Plastic</i>
<i>Balūn</i>	Bilun	Belon
<i>Ṣabūn</i>	Sabun	Sabun
<i>Shāmbū</i>	Sampu	Syampu

<i>Taksiyy / Sayyāratul Ujrah</i>	Tiksi	Teksi
<i>Ṣabr</i>	Sabar	Sabar
<i>'Awwal</i>	Awal	Awal
<i>Qamūs</i>	Kamus	Kamus
<i>Hurūf</i>	Urup	Huruf
<i>Ṣifah</i>	Sipat	Sifat
<i>Jamā'</i>	Jama'	Jamak/Banyak
<i>Kalimah</i>	Kalima	Kalimah
<i>Zamān</i>	Jaman	Zaman/Masa
<i>Majallah</i>	Majala	Majalah
<i>'Istirāḥah</i>	Ri'at	Berehat
<i>Jin</i>	Giin	Jin
<i>Miskīn</i>	Miskin	Miskin

### iii. Nama Orang.

**Jadual 3.3** Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Batrīshah</i>	Batrisyah	Cerdik/ pintar
<i>Lin</i>	Liana	Lembut
<i>Al-Razi</i>	Razi	Nama tokoh Islam
<i>Shafawiy</i>	Shapawi	Berkata-kata
<i>Soleh</i>	Salleh	Soleh
<i>Sulayman</i>	Sulaiman	Nabi Sulaiman
<i>Latif</i>	Latif	Lembut
<i>Qayyum</i>	Qayyum	Selamanya
<i>Yaasin</i>	Yasin	Nama surah
<i>Hafizah</i>	Hafizah	Penjaga
<i>Basir</i>	Basir	Melihat
<i>Batrīshah</i>	Batrisyah	Cerdik/ pintar

#### 4. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Kedah.

##### i. Ibadah dan Keagamaan.

**Jadual 4.1** Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Baligh</i>	Baliyaq	Baligh
<i>Şabr</i>	Sabaq	Sabar
<i>Ikhlas</i>	Ikhlah	Ikhlas
<i>Khianah</i>	Keynat	Khianat
<i>Ustaz</i>	Ustat	Ustaz
<i>Kafir</i>	Kapiaq	Kafir
<i>Taubah</i>	Tobat	Taubat
<i>Batal</i>	Batai	Batal
<i>Masjid</i>	Semejid	Masjid

##### ii. Umum

**Jadual 4.2** Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Qudrah</i>	Qedeghat	Qudrat
<i>Fikr</i>	Pikiaq	Fikir
<i>Qubr</i>	Kubuq	Kubur
<i>'Aql</i>	Akai	Akal
<i>Qamus</i>	Kamuih	Kamus
<i>Kirtis</i>	Qhertaih	Kertas



<i>Fahm</i>	Paham	Faham
<i>Sirwal</i>	Seluaq	Seluar
<i>Ikhtiar</i>	Ghetiaq	Ikhtiar
<i>Khabr</i>	Habaq	Khabar

### iii. Nama Orang.

**Jadual 4.3** Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
Nur al-‘Aishah	Siti Nurul Aisyah	Nama Isteri Rasulullah
Abdul	Abdul	Hamba
Hamid	Hamid	Yang dipercayai
Nur ‘Asyhiqin	Noor Asyikin	Cahaya Kerinduan
Nur al-Jannah	Nurul Jannah	Cahaya Syurga

## 5. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Terengganu.

### i. Ibadah dan Keagamaan.

**Jadual 5.1** Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Nisf</i>	Sepu	Nisfu
<i>Masjid</i>	Sejid/Mejid	Masjid
‘ <i>Isya</i> ’	Ise	Isyak
<i>warith</i>	Woghih	Waris
‘ <i>Amal</i> ’	Amalang	Amalan
<i>Magrib</i>	Gaghik	Maghrib
<i>Imam</i>	Imang	Iman
<i>Al-Quran</i>	Qurang	Quran
<i>Wajib</i>	Wajik	Wajib

ii. Umum

**Jadual 5.2** Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fahm</i>	Pahang	Faham
<i>Ithnain</i>	Isna/Isning	Isnin
<i>Mashur</i>	Sohor	Masyhur
<i>Jin</i>	Jing	Jin
<i>Qarabah</i>	Khabak	Kerabat
<i>Su'al</i>	Soalang	Soalan
<i>Zaman</i>	Zamang	Zaman
<i>Badan</i>	Badang	Badan
<i>Kursiy</i>	Kusi	Kerusi
<i>Akhir</i>	Akhirang	Akhiran
<i>Awwal</i>	Awalang	Awalan
<i>Fa'idah</i>	Pekdoh	Faedah
<i>Sabr</i>	Sabo	Sabar
<i>Fikr</i>	Mikir	Fikir
<i>Jins</i>	Jenih	Jenis
<i>Khabr</i>	Kabo	Khabar
<i>'Aman</i>	Amang	Aman
<i>Yaqin</i>	Yaking	Yakin
<i>Musafir</i>	Musapir	Musafir

ii. Nama Orang.

**Jadual 5.3** Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fatimah</i>	Tengku Muliana Fatimah	Nama anak Rasulullah
<i>Solihin</i>	Syed Solihin	Saleh
<i>Amir Musyidiy</i>	Amir Mursyidi	Ketua
Na'eimah Farhanah	Na'eimah Farhanah	Yang lemah lembut dan gembira
<i>Fatin Mawaddah</i>	Fatin Mawaddah	Yang bijak dan penuh rasa sayang

<i>Rifqi Mustaqim</i>	Rifqi Mustaqim	Sahabat yang lurus
<i>Muhammad Khilal</i>	Muhammad Khilal	Masa
<i>Ishraq</i>	Isyraq	Cahaya terang

## 6. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Pulau Pinang.

### i. Ibadah dan Keagamaan.

**Jadual 6.1** Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori ibadah dan keagamaan. .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Haram</i>	<i>Haram</i>	<i>Haram</i>
<i>Kitab</i>	<i>Qitab</i>	<i>Kitab</i>
<i>Kufr</i>	<i>Kapiaq</i>	<i>Kafir</i>
<i>Qadr</i>	<i>Taqdir</i>	<i>Takdir</i>
<i>Batal</i>	<i>Batai</i>	<i>Batal</i>

### ii. Umum.

**Jadual 6.2** Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fikr</i>	<i>Piqiaq</i>	<i>Fikir</i>
<i>Ikhtibar</i>	<i>Iktibaq</i>	<i>Ikhtibar</i>
<i>Kufiah</i>	<i>kopiah</i>	<i>Kopiah</i>

### iii. Nama Orang.

**Jadual 6.1** Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori nama orang .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Ulamak</i>	<i>Ulamaq</i>	Ulama
<i>Warith</i>	<i>Warih</i>	Waris

<i>Nur al-Nazirah</i>	<i>Nurul Nazirah</i>	Cahaya Ketua
<i>Hamzah</i>	<i>Hamzah</i>	Tokoh Islam
<i>Nur Hazliyna</i>	<i>Noor Hazleena</i>	Kreatif
<i>Hazliy</i>	<i>Hazlee</i>	Yang Lucu

## 6. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Perlis.

### i. Ibadah dan Keagamaan.

**Jadual 7.1** Antara perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Kufr</i>	Kapiaq	Kafir
<i>Qadr</i>	Taxde	Taqdir
<i>'Aurah</i>	Oghat	Aurat
<i>'ikhlas</i>	Ikhlah	Ikhlas

### ii. Umum.

**Jadual 7.2** Perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>'Awwal</i>	awai	Awal
<i>Ka/Ki</i>	ka	Ka (kamu merujuk dhamir kamu dalam Bahasa Arab)
<i>'Asl</i>	asai	Asal
<i>Fahm</i>	Paham	Faham
<i>Fikr</i>	Pikiaf	Fikir
<i>'Ikhlas</i>	ikhlah	Ikhlas
<i>Ithnain</i>	Senayain	Isnin

Selain dari aspek keagamaan dan nama perseorangan, pengaruh Bahasa Arab dalam perkataan seharian juga telah banyak digunapakai dalam kehidupan seharian samada secara sedar atau tidak. Antara contoh-contoh perkataan tersebut adalah;

### iii. Nama Orang.

**Jadual 7.3** Perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori nama orang .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Sayyid Hussin Jamalullail</i>	Raja Syed Hussain Jamalullail	Tuan – Nama cucu Rasulullah dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Ahmad Jamalullail</i>	Raja Syed Ahmad Jamalullail	Tuan yang sangat dipercayai dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Saffiy Jamalullail</i>	Raja Syed Saffi Jamalullail	Tuan yang paling lembut dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Alwi Jamalullail</i>	Raja Syed Alwi Jamalullail	Tuan yang tinggi dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Hamzah Jamalullail</i>	Raja Syed Hamzah Jamalullail	Tuan yang berkuasa dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Jamalullail</i>	Tuanku Syed Putra Jamalullail	Tuan dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Sirajuddin Jamalullail</i>	Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail	Tuan cahaya agama dan Keindahan Malam

Pengaruh Bahasa Arab juga dapat dilihat dengan jelas pada nama seseorang. Takta senarai Raja Perlis sendiri menggambarkan terdapatnya unsur pengaruh Bahasa Arab.

### Kesimpulan

Pengaruh penggunaan ataupun serapan perkataan bahasa Arab kepada pelbagai bahasa di dunia bukanlah perkara asing lagi. Bahasa Arab juga telah mula berakar umbi ketika kedatangan ramai pedagang di Malaysia atau Tanah Melayu ketika itu. Terdapat banyak perkataan bahasa Arab yang diserap masuk ke dalam bahasa peribumi mahupun loghat tempatan terutamanya perkataan yang berkaitan dengan ibadah dan agama Islam serta nama-nama orang. Namun, serapan bahasa Arab ke dalam beberapa dialek di Sabah dan loghat tempatan di Malaysia masih kurang didokumentasikan. Sabah adalah salah sebuah negeri di dalam Malaysia yang begitu unik kerana kaya bukan hanya dengan hasil buminya tetapi juga kepelbagaian suku kaum yang berbeza bahasa peribumi sehingga mempunyai 80 lebih dialek, perbezaan agama dan budaya. Ini merupakan sebahagian kecil daripada usaha kami untuk mendokumentasikan bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa peribumi Sabah dan loghat tempatan. Perkataan serapan bahasa Arab ini mempunyai sebutan yang hampir sama dan makna yang serupa. Perkataan serapan yang digunakan ini telah

lama disedari terutamanya ketika menyertai masyarakat tempatan berbual dalam dialek serta loghat mereka yang tersendiri. Dari sanalah timbul keinginan untuk melaksanakan kajian ini dan mengembangkannya daripada satu dialek kepada dialek yang lain sehinggalah kepada loghat tempatan pula. Semoga dengan kajian ini menarik minat lebih ramai lagi pengkaji bahasa Arab untuk mengkaji kata serapan ke dalam bahasa peribumi Sabah, Sarawak dan loghat tempatan Semenanjung Malaysia.

## Rujukan

- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). *Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah (Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony. Jurnal Usuluddin 49 (1) 2021, 1-26.*
- Adnan Jusoh. (2016). Zaman Pra-Islam di Kedah Berdasarkan Bukti Arkeologi. *Jurnal Perspektif 106-117.*
- Ahmad Ismail & Yazid Mat (1992), Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat. Kangan: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (PPANPs).
- Ainur Syakirah Muhd Hissam & Zuliana Zubir, 2022, *Variasi Kata Pinjaman Bahasa Arab Dalam Dialek Melayu Perlis: Analisis Geolinguistik, 594-607.*
- Ainur Syakirah Muhd Hissam & Zuliana Zubir. 2022. Variasi kata pinjaman bahasa arab dalam dialek melayu perlis: analisis geolinguistik. (eISSN 2811-4051)
- Aminah binti Awang Basar. (2020). *e Borneo Gedung Khazanah Bangsa.* Dimuat turun daripada <http://eborneo.dbp.gov.my/sabah.html>
- Dayu Sansalu (2014) Persamaan dan perbezaan sebutan dan makna dalam pelbagai dialek bahasa Kadazandusun. *Jurnal Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014), 446 – 453.*
- Ehala, M. (2010). *Ethnolinguistic vitality and intergroup processes.* Multilingua, 29, 203– 221.
- Eva De Belle (t.th). *Etnik Kadazandusun.* Dimuat turun daripada [https://www.academia.edu/36025501/ETNIK\\_KADAZANDUSUN](https://www.academia.edu/36025501/ETNIK_KADAZANDUSUN)
- Eva De Belle. (t.th). *Etnik Kadazandusun.* Dimuat turun daripada [https://www.academia.edu/36025501/ETNIK\\_KADAZANDUSUN](https://www.academia.edu/36025501/ETNIK_KADAZANDUSUN)
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad. 2017. Kata soal dalam Dialek Perlis. *Jurnal Akademika 87(1): 177-187.*
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Siti Amanina Sahira Saidi. (2021). *Kajian Frasa Kerja Bahasa Bajau Darat Dan Bajau Laut Di Sabah: Analisis Kerangka Minimalis.* *Jurnal Bahasa, 21(2), 163–192.*  
<https://www.almaany.com>
- Ibtisam Abdullah, Imran Ho. (2018). *Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi. Journal of science and humanities. vol (13) (2018), 043-050.*
- Kamus Bahasa Kadazandusun online Globes. Dimuat turun daripada <https://ms.glosbe.com/dtp/ms>
- Kamus Bergambar Generasi Baharu.* Shah Alam: Oxford Fajar.

- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (2022). Dimuat turun daripada <https://www.sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah>
- Mohammad Isa Othman. 1990. Politik tradisional Kedah 1681-1942. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Azan Bin Abdullah, Saini Bin Ag. Damit (2018) *Leksis Periferal Indo -Arabo - Euro Dalam Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Nusantara*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (2018)*, 274-286.
- My Government Maklumat Malaysia. (2017). Dimuat turun daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/142?language=my>
- Noor Rohana Mansor dan Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim. (2013). *Dialek melayu Terengganu: pendokumentasian dan pengejalan warisan variasi bahasa tempatan*. *Jurnal Melayu (1)*, 21-35.
- Noriah Mohamed (et. al), 2006, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Normila Noruddin, Nik Murshidah, Raja Hazirah. (2014). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/301887170\\_PENGARUH\\_BAHASA\\_IBUNDA\\_TERHADAP](https://www.researchgate.net/publication/301887170_PENGARUH_BAHASA_IBUNDA_TERHADAP)
- Nurfarain Abdul Rahman, Mohd Sohaimi Esa, Saifulazry Mokhtar, Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). *Persepsi Kaum Melayu Brunei Dalam Penerimaan Makanan Tradisional “Kelupis” Di Sabah*. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, Volume 7, PP. 281-293.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman, 2016, *Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu Kajian Di Balik Pulau*, *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 11, no. 1 (2016) 186-201.
- Oxford Students*. (2012). United Kingdom: Oxford University Press.
- Rahman Affandi bin Abd Rahim, Muhammad Ikhlas Rosele, Ab Halim Ismail, Huzaimah Ismail, & Nor Adina Abd Kadir. (2017, Januari). *Terengganu Sebagai Pusat Perkembangan Islam Terawal di Malaysia: Analisa Sejarah*. Retrieved from ResearchGate: [https://www.researchgate.net/publication/309287779\\_TERENGGANU\\_SEBAGAI\\_PUSAT\\_PERKEMBANGAN\\_ISLAM\\_TERAWAL\\_DI\\_MALAYSIA\\_ANALISA\\_SEJARAH](https://www.researchgate.net/publication/309287779_TERENGGANU_SEBAGAI_PUSAT_PERKEMBANGAN_ISLAM_TERAWAL_DI_MALAYSIA_ANALISA_SEJARAH)
- Ruhi Baalbaki. (1995). *Al Maurid: A Modern Arabic - English Dictionary*. Dar El Ilm Lil Malayin.
- Saat Awang Damit. (2015) . *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah, 2015*. Dalam *Bilcher Bala. Penghijrahan Masyarakat Melayu Brunei Ke Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2010). *Perbandingan Dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah*. *Jurnal Melayu*, (5) 2010, 333-374.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). *Entri Dialek Melayu Brunei ke dalam Bahasa Bajau: Satu Catatan Awal*. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 2020: 63 – 77

- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). *Pengaruh Dialek Melayu Brunei Dalam Dialek Melayu Sabah. Jurnal Melayu. 19 (1) 2020.*
- Sintian, Minah. (2017). Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah. Dimuat turun daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68472/>
- Suraya Sintang. (2003). *Penganutan Agama Islam Dan Kristian Kalangan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah. Jurnal Usuluddin, Bil 18 [2003], 59-80.*
- Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat dan Aisyah Tamby Omar. (2020). *Ritual Perubatan Tradisional Etnik Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. MANU Bil. 31 (1), 73-95, 2020.*

Gambar daripada :

<https://pemandanganhd.blogspot.com/2019/07/penting-32-peta-malaysia.html>

<https://peta-hd.com/peta-sabah/>